



MUHAMMAD HADI MUHAMMAD MELAYONG

## Dasar Biasiswa ke Luar Negeri: Satu Perspektif Sejarah Pendidikan di Negara Brunei Darussalam

**IKHTISAR:** Artikel ini, dengan mengguna-pakai kaedah sejarah, pendekatan kualitatif, dan sorotan literatur, cuba memperkatakan dan menganalisis sejarah penghantaran pelajar-pelajar Brunei ke luar negara untuk menuntut, khususnya ke institusi-institusi pendidikan di Malaya (Malaysia sekarang), Singapore, dan negara lainnya di serata dunia. Pemerihalannya ini dibincang berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi melalui temubual dengan bekas-bekas pelajar Brunei, serta berdasarkan pengalaman dan pandangan penulis sendiri yang pernah belajar di luar negara. Dapatan menunjukkan bahawa dasar penghantaran pelajar-pelajar Brunei ke luar negara, khususnya ke Singapura, adalah bagi mengimbas kembali senerio sejarah pendidikan masa silam dengan tumpuan kepada dasar biasiswa kerajaan. Dasar kerajaan menghantar pelajar-pelajar ke Singapura bukanlah sesuatu yang sia-sia, tetapi berbaloi apabila dilihat melalui sumbangan pelajar-pelajar tersebut kepada bangsa dan negara pada masa kini. Diyakini pula bahawa dasar penghantaran pelajar Brunei ke Singapura, termasuk juga ke Malaysia, Mesir, dan UK (United Kingdom), pada tahun 1950-an sehingga 1980-an, telah mencapai matlamatnya untuk persediaan bagi pelaburan tenaga manusia dalam jangka panjang bagi mengisi kekosongan dalam jentera pentadbiran kerajaan dan swasta di Negara Brunei Darussalam.

**KATA KUNCI:** Dasar Biasiswa; Pelajar Brunei; Menuntut di Luar Negara; Pelaburan Tenaga Manusia.

**ABSTRACT:** "The Scholarship Policy for Abroad: A Perspective of Education History in Brunei Darussalam". This article, using historical methods, qualitative approaches, and literature review, attempts to describe and analyze the history of Bruneian students to study abroad, especially to educational institutions in Malaya (present Malaysia), Singapore, and other countries around the world. This description is based on the information obtained through interviews with ex-Brunei students, and based on the experiences and views of the author who has been studying abroad. The findings show that the Brunei policy of sending students to abroad, especially to Singapore, was to recall the story of past educational history with the focus on government scholarship policies. The government's policy of sending students to Singapore is not in vain, but it is worth looking at the contributions of the students to the nation and the country today. It is also believed that the policy of sending the Brunei students to Singapore, including Malaysia, Egypt, and the UK (United Kingdom), in the 1950s until the 1980s, had reached its goal of preparing for long-term manpower investment to fill the vacancy in the government and private administration machinery in Brunei Darussalam.

**KEY WORD:** Scholarship Policy; Brunei Students; Scholarship for Abroad; Human Capital Investment.

**About the Author:** Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong ialah Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan di Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi MIB (Melayu Islam Beraja) di Negara Brunei Darussalam. Bagi urusan sebarang akademik, alamat emel penulis adalah: [hadi.melayong@gmail.com](mailto:hadi.melayong@gmail.com)

**Suggested Citation:** Melayong, Muhammad Hadi Muhammad. (2018). "Dasar Biasiswa ke Luar Negeri: Satu Perspektif Sejarah Pendidikan di Negara Brunei Darussalam" in *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 6(2), September, pp.165-178. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808.

**Article Timeline:** Accepted (May 20, 2018); Revised (July 27, 2018); and Published (September 30, 2018).

## PENDAHULUAN

Artikel ini cuba memberi gambaran mengenai dasar penghantaran pelajar-pelajar Brunei ke luar negara, khususnya ke Singapura selepas Perang Dunia II (1939-1945), dengan berlatarbelakangkan penghantaran awal anak tempatan ke Malaya (Malaysia) sebelum perang. Di samping itu, perbincangan ini juga cuba memperlihatkan hubungan antara dasar pendidikan negara dengan perkembangan politik dalaman dan luar negara dalam zaman sebelum dan selepas Perang Dunia II sehingga ke era kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984. Semua gambaran itu akan dapat dijadikan panduan dan tauladan kepada generasi muda masa kini dan masa akan datang, khususnya penentu dasar pendidikan negara dalam membagi penyediaan pelaburan tenaga manusia untuk keperluan negara (Jumat, 1989; Hack, 2001; Kumpoh, 2006; Mail, 2006; dan Bani, 2008).

Artikel ini, dengan mengguna-pakai kaedah sejarah, pendekatan kualitatif, dan sorotan literatur (Notosusanto, 1978; Bleicher, 1980; Denzin & Lincoln eds., 2000; Zed, 2004; Sjamsuddin, 2007; dan Ilhamsyah, 2015), juga cuba memperkatakan dan menganalisis sejarah penghantaran anak-anak tempatan Brunei ke luar negara untuk menuntut, khasnya ke institusi-institusi pendidikan di Malaya (Malaysia sekarang), Singapura, dan negara lainnya di serata dunia. Pemerihalannya ini dibincang berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang diperolehi melalui temubual dengan bekas-bekas pelajar Brunei, serta berdasarkan pengalaman dan pandangan penulis sendiri yang pernah belajar di luar negara, yakni di Singapura, selama lebih-kurang 10 tahun (Denzin & Lincoln eds., 2000; Jasmi, 2012; dan Ilhamsyah, 2015).

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dari sudut sejarah, penghantaran anak-anak tempatan ke luar negara, dibawah skim biasiswa kerajaan, bermula dalam era pemerintahan Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Akhazul Khairi Waddin (1924-1950); kemudian merentas ke zaman Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (1950-1967); sehingga ke zaman pemerintahan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Matlamat utama penghantaran tersebut adalah untuk pelaburan tenaga manusia jangka pendek dan jangka panjang dalam mengisi kekosongan jentera pentadbiran kerajaan dan juga keperluan di sektor ekonomi dan swasta di Negara Brunei Darussalam (Sum, 1993; Hussainmiya, 1995; Mail, 2006; dan Mohamed, 2011).

Ternyata bahawa hasil dari pelaksanaan dasar tersebut telah berjaya mencapai matlamatnya bagi menghasilkan tenaga manusia yang berpegetahuan dan berkemahiran dalam berbagai bidang, khususnya bagi melahirkan pemimpin-pemimpin di Negara Brunei Darussalam. Apa yang jelas bahawa dasar penghantaran anak-anak tempatan untuk mengikuti pelajaran atau pengajian di luar negeri telah dapat menyediakan keperluan negara bagi mengisi kekosongan dalam pentadbiran negara sebelum dan selepas era kemerdekaan. Ini adalah matlamat utama dalam mengisi kekosongan jawatan-jawatan kerajaan dalam persediaan mengambil-alih kuasa pemerintahan Negeri Brunei dari naungan kerajaan British. Di samping membantu pembangunan dalam sektor swasta, terutamanya dalam kegiatan minyak dan gas, yang merupakan sumber utama hasil pendapatan Negara Brunei Darussalam (Jumat, 1989; Sum, 1993; Mail, 2006; Bani, 2008; dan KPN Brunei Darussalam, 2013).

Dalam era kemerdekaan, kerajaan

Brunei memerlukan tenaga manusia yang mempunyai kepakaran dalam bidang hal ehwal dalam dan luar negeri, apabila Brunei mengambil-alih kuasa dalam urusan hubungan dengan negara serantau dan antarabangsa. Maka, banyak jawatan profesional yang diperlukan untuk menjalankan tugas-tugas rasmi kerajaan di dalam dan luar negara. Ini bukti nyata akan kepentingan pelaburan tenaga manusia yang terancang melalui pelaksanaan skim pendidikan, khususnya melalui penghantaran pelajar-pelajar tempatan ke luar negara (Leake, 1990; Mail, 2006; dan KPN Brunei Darussalam, 2013).

Oleh itu, meskipun faktor pergolakan politik serantau pada tahun 1940-an sehingga 1960-an telah banyak mempengaruhi skim penghantaran anak-anak tempatan ke luar negara. Namun apa yang jelas bahawa cabaran-cabaran yang telah dihadapi oleh kerajaan Brunei dalam merancang dan melaksanakan dasar penghantaran ke luar negara dapat diatasi melalui kerjasama yang padu dengan pegawai-pegawai British, yang berkhidmat di Jabatan Pelajaran Brunei. Memandangkan dalam era sebelum kemerdekaan telah berlakunya keadaan pergolakan politik serantau untuk mendapat status berkerajaan sendiri di alam Melayu, seperti Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Vietnam, Cambodia, dan Laos, maka dasar basiswa kerajaan menempuh berbagai cabaran dan halangan dalam pelaksanaan skim tersebut (Kroef, 1963; Jumat, 1989; Tarling, 1993; Abdullah, 2001; dan Mail, 2006).

Dari perspektif sejarah, setelah sistem Resident British diperkenalkan di Brunei pada tahun 1906, maka dari saat itu bermulanya sistem pentadbiran moden di Pekan Brunei, yang masa itu berpusat di Jalan Residency (terletaknya Bumbung 12 sebagai ibu pejabat Resident British). Di antara pejabat kerajaan

diwujudkan pada awal tahun 1906 ialah Kastam, Polis, Pos, Kerja Raya, dan lain-lain (Horton, 1984; Singh, 1984; dan Razali, 2016).

Oleh itu, pada tahun 1914, Resident British telah mengambil langkah positif untuk menubuhkan Sekolah Rendah Melayu pertama di Pekan Brunei, yang pada awalnya beroperasi di sebuah masjid. Dan lanjutan dari kehadiran pemerintahan British di Brunei, yang berlangsung hampir tiga suku abad, banyak pembaharuan dan kemodenan telah diperkenalkan, termasuk perkembangan dalam bidang pendidikan. Dengan adanya dasar pendidikan yang mewajibkan ibu bapa menghantar anak-anak ke sekolah, jumlah pendaftaran murid-murid ke sekolah yang formal ini telah meningkat dari setahun ke tahun (Jibah, 1983; Mail, 2007; dan Razali, 2016).

Penghantaran golongan pelajar ke seberang laut, iaitu ke Singapura, Malaya (Semenanjung Malaysia), Mesir, UK (*United Kingdom*), dan paling dekat ke Labuan di Sabah dan Kuching di Sarawak, bermula pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin, 1924-1950; kemudian diteruskan dalam zaman pemerintahan Sultan Haji Omar Ali Saifuddin, 1950-1967; dan KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, 1967 – sekarang (Abdullah, 1991; Hussainmiya, 1995; Mail, 2011 dan 2013; Mohamed, 2011; dan Razali, 2016).

Bagi menyediakan golongan tenaga pengajar, pihak British telah menghantar anak-anak tempatan ke Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim, Perak, Malaysia – atau dikenali sebagai SITC (*Sultan Idris Teacher College*) – untuk bakal menjadi tenaga pengajar dan pentadbir. Pada tahun 1929, dua orang penuntut telah dihantar ke Maktab Perguruan SITC di Tanjung Malim untuk mempelajari ilmu perguruan. Kedua pelajar Brunei

yang awal belajar di SITC ialah Awang Marsal Maun dan Awang Basir Taha, yang kemudiannya telah ditugaskan bagi menyusun sistem pentadbiran dan pembelajaran persekolahan di Brunei dengan yang lebih baik setelah tamat mengikuti kursus perguruan tersebut (Hamid, 2003; Mail, 2011; dan Zain, 2015).

Memandangkan kepada keadaan tenaga mereka yang dua orang itu, tentulah tidak mencukupi untuk menyusun dan mengaturkan sistem persekolahan dengan lebih sempurna, apatah lagi untuk disebarluaskan ke seluruh negara, kerana kemampuan mereka terhad. Selepas itu beransur-ansurlah guru-guru tempatan dihantar ke Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim, pada tiap-tiap tahun seramai dua orang dan kadang-kadang seorang, kerana penghantaran itu bukan hanya tertakluk kepada keadaan kewangan tetapi tertakluk juga kepada penerimaan dari maktab itu (Mail, 2011; dan Zain, 2015).

Dalam masa yang sama, pada tahun 1933, anak-anak Kerabat Diraja, termasuk Pengiran Muda Omar Ali Saifuddien (Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien) bersama saudara sepupunya, juga telah mengikut pengajian di Kolej Kuala Kangsar di Perak (bahagian Inggeris), Malaysia. Dan setelah tamat pengajian, baginda bertugas di Pejabat Hutan, Kuala Belait pada tahun 1936 bagi persediaan melahirkan bakal kepimpinan negara yang berpendidikan moden (Hamzah, 1991; Hussainmiya, 1995; Rosley, 2007; dan Kadir, 2010).

Dalam era Perang Dunia II hendak meletus, kerajaan Brunei mula menambah penghantaran pelajar-pelajar yang berkursus ke Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim, iaitu seramai empat orang setahun. Bagimanapun, pada tahun 1941 itu pula, berlaku peperangan Asia Timur Raya, yang mengakibatkan persekolahan di Brunei terus terganggu

selama tiga tahun setengah (Darwin, 1988; Andaya & Andaya, 2001; Mail, 2006 dan 2011; dan Zain, 2015).

Setelah Perang Dunia II (1939-1945) tamat, dasar penghantaran diteruskan sehingga melahirkan golongan nasionalis Brunei, yang dipengaruhi oleh fahaman-fahaman kebangsaan di kalangan golongan pemuda-pemuda di alam Melayu, yang mendapat pendidikan dari Timur dan Barat. Keadaan ini juga telah mempengaruhi pemikiran dan idea-idea baru di kalangan pelajar-pelajar tempatan, yang mengikuti kursus perguruan di SITC Tanjung Malim, Malaysia. Dan mereka ini yang telah bertanggungjawab dalam menyebarkan kebangkitan semangat kebangsaan di kalangan muda-mudi tempatan di Brunei (Andaya & Andaya, 2001; Mail, 2006 dan 2011; dan Zain, 2015).

Pergerakan ini sentiasa diambil perhatian dan diawasi oleh pegawai-pegawai British, khususnya bahagian *Special Branch*, yang berkhidmat di Brunei ketika itu. Antara tokoh nasionalis tempatan yang menuntut di SITC dan menjadi pelopor kepada kebangkitan semangat kebangsaan Brunei ialah: Cikgu Salleh bin Masri, yang terkenal dengan samaran H.M. Salleh, dan P.Y. iaitu P.M. Yusof. H.M. Salleh telah dipenjarakan dan sempat menulis novel nasionalisnya bertajuk *Pemimpin Tunangan Bangsa*, yang diharamkan oleh pihak British (Ahmad, 1989; Andaya & Andaya, 2001; Ziad, 2011; dan Zain, 2015).

Berdasarkan cerita Yang Berhormat Pehin Pengetua Pusat Sejarah Brunei, yang juga salah seorang pelajar SITC yang berjuang bersama H.M. Salleh dalam pergerakan nasionalisme Brunei, dikenali BARIP (Barisan Pemuda), digambarkan seperti berikut:

Pada tahun 1939, tatkala H.M. Salleh mengatakan kepada guru-guru dan pemuda-pemuda, "*Kita hendaklah kasihkan bangsa dan tanah air*", dalam pidatonya di perhimpunan Hari Raya Aidil

Fitri yang diadakan di kawasan Sekolah Melayu Pekan Brunei, Jalan Sultan, berdekatan dengan Makam Raja Ayang.

Pada esoknya, beliau telah dipanggil oleh Resident British ke pejabatnya dan ditanya kenapa dalam perhimpunan itu pemuda-pemuda Brunei diseru supaya kasihkan bangsa dan tanah air. H.M. Salleh menjawab, "*Tidakkah tuan kasih kepada bangsa dan tanah air tuan?*". Resident British rasa dihina dan menjawab, "*Awak jangan jadi luyar buruk*".<sup>1</sup>

Begitulah nasib yang diterima oleh perjuang pencinta kepada bangsa dan negara, yang sentiasa dimata-matai dan dipenjara oleh pihak penjajah British. Bahkan dalam era selepas Perang Dunia II (1939-1945) telah lahir penulis-penulis tempatan yang berkarya dalam bidang sastera untuk memperjuangkan masa depan nasib bangsa dan politik Brunei. Dengan hal itu, pihak British senantiasanya memata-matai pergerakan golongan guru yang balik mengikuti kursus di luar negeri, khususnya SITC (*Sultan Idris Teacher College*) di Tanjung Malim, Perak, Malaysia, sehingga salah seorang gurunya yang pernah berkhidmat di Brunei, yang didatangkan dari Malaya, telah dihantar balik (Harun Aminurrashid), kerana didapati cuba mempengaruhi idea-idea kebangsaan di kalangan anak tempatan (Bani, 2008; Mail, 2011; Ahmad, 1989; Ziad, 2011; dan Zain, 2015).

Meskipun dasar penghantaran pelajar Brunei ke luar negeri terbantut seketika, namun apabila Pengiran Bendahara Omar Ali Saifuddin menaiki takhta pada tahun 1950, menggantikan kekanda Baginda Sultan Ahmad Tajuddin yang lindung di Singapura, dasar pendidikan negara telah mula dirancang dengan lebih teliti lagi (Hussainmiya, 1995; Abdullah,

<sup>1</sup>Temubual dengan Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, di Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 3hb March 2006.

2001; Rosley, 2007; Mail, 2011; dan Mohamed, 2011).

Selepas Sultan Haji Omar Ali Saifuddin ditabalkan menjadi Sultan Brunei yang ke-28, baginda berusaha untuk mengambil-alih semula kuasa pentadbiran dalam negeri dari tangan Resident British. Langkah permulaan ialah melalui perubahan kepada sistem perundangan negara, dengan merancang untuk mengadakan perlembagaan bertulis bagi Negeri Brunei pada tahun 1953. Ini dilakukan bukan sahaja untuk mengurangkan kuasa Resident British, malah melantik dan menggalakkan anak tempatan sendiri memegang jawatan di dalam jabatan-jabatan kerajaan (Abdullah, 1991; Hussainmiya, 1995; Saunders, 2002; Melayong, 2006; dan Rosley, 2007).

Rancangan ini dilaksanakan melalui penerusan dasar penghantaran anak-anak tempatan belajar ke luar negeri dan peningkatan taraf persekolahan pendidikan di Brunei. Pada awal tahun 1950 adalah merupakan titik awal penghantaran penuntut-penuntut aliran Melayu, Inggeris, dan Agama ke Malaya dan Singapura. Rancangan penghantaran ini, secara tidak langsung, akan mengurangkan kuasa Resident British dan menambahkan bilangan anak tempatan dalam mentadbir dan menguruskan pemerintahan Negeri Brunei (Mail, 2011; Ziad, 2011; Bakar, 2013; dan KPN Brunei Darussalam, 2013).

Dalam konteks ini, relevan untuk memetik titah baginda di Lapangan Terbang di Berakas, sebelum berangkat ke London untuk membincangkan Perlembagaan Negeri Brunei, seperti berikut:

*[...] sebagaimana yang telah berkali-kali saya sebutkan di masa yang lalu, iaitu pemerintahan Negara Brunei yang akan datang adalah memberi peluang kepada rakyat negeri mentadbirkan dan mengendalikan pemerintahan negeri di bahu rakyat negeri ini (dalam Melayong, 1993).*

Kerajaan pula menjalankan kempen dan seruan supaya ibu bapa khususnya dan masyarakat tempatan umumnya menghantar anak-anak mereka ke sekolah, terutama anak-anak perempuan. Kempen ini telah berjaya menyedarkan masyarakat, hingga makin ramai yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Kerajaan juga menyediakan peruntukan yang besar melalui Rancangan Kemajuan Pendidikan bagi Tahun 1954 hingga 1960. Dalam rancangan itu kerajaan bukan sahaja membina sekolah, bahkan juga menyediakan kemudahan-kemudahan lain kepada murid-murid sekolah. Contohnya menyediakan pengangkutan percuma untuk murid-murid berulang-alik ke sekolah, elau sara hidup, skim permakanan di sekolah-sekolah, dan pemeriksaan kesihatan. Sesungguhnya, sejarah tidak boleh menafikan sumbangan besar baginda dalam mengembang-majukan bidang pendidikan di Negara Brunei Darussalam ini (Mail, 2006; Ziad, 2011; dan Yahya & Sa'ari, 2015).

Sepertimana hasrat Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien semasa menggubal Perlembagaan Negeri Brunei Tahun 1959, baginda meminta rakyat Brunei supaya mempelajari ilmu pengetahuan untuk mengisi kemerdekaan yang bakal dicapai nanti. Malah, sekali lagi, seruan yang sama telah diutarakan oleh baginda Sultan untuk menghantar penuntutnya ke seberang laut, sebaik sahaja menaiki takhta kerajaan pada tahun 1950. Dasar ini bertujuan bagi mengisi jawatan-jawatan yang difikirkan penting, yang diperlukan bagi menggantikan pegawai-pegawai luar yang sedang berkhidmat masa ini. Tujuannya untuk melicinkan lagi jentera pentadbiran, setelah Brunei mengambil-alih pentadbiran dalam negeri sebagai langkah ke arah pembentukan sebuah negara yang baru merdeka (*Pelita Brunei*, 19/7/1978;

Abdullah, 1991; Hussainmiya, 1995; Saunders, 2002; Melayong, 2006; dan Rosley, 2007).

Sehingga tahun 1959, anak Brunei yang lulus *Senior Cambridge* hanya tiga orang. Dari keadaan ini dapat membayangkan sukat-sukat ilmu pengetahuan orang Brunei pada masa itu. Berasaskan kekurangan ilmu pengetahuan dan kelemahan orang Brunei pada masa itu, usaha untuk menghantar penuntut keluar negeri bagi mendapatkan ilmu pengetahuan tinggi semakin dipesatkan tanpa menghiraukan kelulusan tertentu, asalkan pihak maktab atau universiti menerimanya, kerana hendak menyempurnakan hasrat hati Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, yang *bergagas-gagas* (bercepat-cepat) hendak melihat anak Brunei mentadbir negaranya sendiri (Abdullah, 1991; Hussainmiya, 1995; Mail, 2006; Rosley, 2007; dan Ziad, 2011).

Semasa menimbangkan permohonan penuntut-penuntut yang hendak dihantar ke luar negeri, yang dihadapkan kepada Jawatankuasa Dermasiswa, Pegawai Pelajaran Negara yang menjadi Pengerusi Jawatankuasa Dermasiswa itu selalu mengatakan bahawa penuntut yang hendak dihantar ke luar negeri hendaklah mempunyai kelulusan tinggi yang bersesuaian, sekurangnya lulus *Senior Cambridge Gred 1*, atau lulus Tingkatan Enam, kerana jika penuntut tidak mempunyai kelayakan yang secukupnya, mereka akan tergendala mencapai sesuatu kelulusan yang dimaksudkan dalam universiti (Mail, 2006; Ziad, 2011; dan KPN Brunei Darussalam, 2013).

Akan tetapi, ahli-ahli Jawatankuasa Dermasiswa pada masa itu, yang sentiasa tergesa-gesa hendak memberi pelajaran kepada bangsa sendiri dan Pengerusi,<sup>2</sup> juga mahukan kelulusan

<sup>2</sup>Pengerusi Majlis Pelajaran pada dewasa itu ialah Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri

penuntut seperti yang dimaksudnya, maka di dalam permesyuaratan selalu terjadi tawar-menawar, kerana syarat yang dimaksudkan oleh Pengerusi pada masa itu sukar hendak dipenuhi oleh orang Brunei; dan kalau syarat itu tidak diseimbangkan, berkemungkinan tidak ada anak Brunei yang dapat dihantar ke luar negeri. Setelah tawar-menawar pada tiap-tiap kali bemesyuarat itu selalu tegang, masing-masing mengeluarkan hujahnya, maka akhirnya satu ketetapan telah dibuat dimana orang yang hendak dihantar ke luar negeri itu hendaklah lulus Tingkatan Lima peringkat "O" (Mail, 2006; Bani, 2008; dan Latif, 2014).<sup>3</sup>

Oleh kerana hasrat hendak memenuhi jawatan-jawatan di jabatan kerajaan dengan anak Brunei sendiri seberapa segera, maka pemilihan mata pelajaran yang hendak dicapai oleh penuntut-penuntut pada masa itu tidak diambil kira, melainkan apa sahaja yang dikehendaki oleh penuntut diluluskan asalkan ia boleh mendapat *degree*. Dengan demikian, dari semasa ke semasa semakin ramailah penuntut Brunei yang telah berkelulusan tinggi sebagaimana yang dihasratkan, tetapi lapangan kelulusan itu ada diantaranya tidak sesuai dengan penempatannya (Mail, 2006; Ziad, 2011; KPN Brunei Darussalam, 2013; dan Karim, 2017).

Apabila telah disedari ada diantara kelulusan penuntut-penuntut itu tidak bersesuaian dengan penempatannya, maka Jawatankuasa Dermasiswa telah mencadangkan supaya tiap-tiap jabatan memberi maklumat kepada Jawatankuasa Dermasiswa mengenai apa jenis kelulusan yang dikehendaki oleh jabatan masing-masing, termasuk

Syarikat Minyak Shell Brunei, supaya Jawatankuasa Dermasiswa dapat mengaturkan penuntut-penuntut yang akan menjalani kursus yang diperlukan (Ziad, 2011; KPN Brunei Darussalam, 2013; dan Karim, 2017).

Bagaimanapun, memandangkan masalah kekurangan tenaga profesional dalam pentadbiran di kalangan anak tempatan adalah satu faktor yang menyebabkan kerajaan Brunei mula menghantar anak tempatan belajar ke Republik Singapura pada pertengahan tahun 1965, iaitu bagi aliran Melayu dan Inggeris, sebelum tamatnya era konfrontasi Malaysia-Indonesia pada tahun 1966. Oleh itu, selaras dengan dasar kerajaan yang sedang mengambil-alih kuasa memerintah dalam negeri dari tangan British pada tahun 1959, maka satu persediaan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan dalam pentadbiran jabatan-jabatan kerajaan, kerajaan Brunei telah membuat perancangan untuk menghantar anak-anak tempatan belajar ke luar negeri, khususnya ke Singapura (Jumat, 1989; Hack, 2001; Ziad, 2011; KPN Brunei Darussalam, 2013; dan Syah, 2015).

Maka, dasar kerajaan Brunei menghantar anak-anak tempatan belajar ke Singapura, yang bermula dengan aliran Agama (Arab) dalam tahun 1950, dan dilaratkan ke aliran Melayu dan Inggeris pada tahun 1965, kemungkinan juga adalah akibat dari keputusan Brunei menolak untuk tidak menyertai Gagasan Malaysia pada bulan September 1963. Walau bagaimanapun, sebelum ini penghantaran anak-anak tempatan untuk belajar ke luar negeri memang telah berjalan di Mesir, Malaya, dan *United Kingdom* (Kroef, 1963; Abdullah, 2001; Hack, 2001; Kumpoh, 2006; Mail, 2011; dan Ziad, 2011).

Manakala, pada bulan Januari 1950, dua pelajar aliran Melayu, iaitu Awang Rosli bin Omar dan Awang Jaya bin Latif, telah dihantar ke Sekolah

---

bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar.

<sup>3</sup>Lihat semula, contohnya, temubual dengan Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, di Pusat Sejarah Brunei, Negara Brunei Darussalam, pada 3hb March 2006.

Menengah Telok Kurau di Singapura. Mereka adalah pelajar paling awal yang belajar ke Singapura. Kemudian diikuti oleh tiga pelajar aliran Agama pada bulan Jun 1950, yang belajar di Madrasah Al-Juned. Jumlah ini bertambah dari setahun ke setahun. Menurut sesetengah cerita, pelajar-pelajar aliran Agama dikatakan pernah menyewa rumah orang-perseorangan di kawasan Geylang, iaitu di Still Road, Paya Lebar Road, dan Jalan Eunos. Pada tahun 1958, barulah pelajar Agama tinggal di Asrama Kerajaan Brunei di Tanglin Hill (Mail, 2006; Ziad, 2011; Latif, 2014; dan Syah, 2015).

Penghantaran pelajar tempatan ke Singapura, pada tahun 1965, berjumlah 20 orang iaitu 10 orang dalam aliran Melayu dan 10 orang aliran Inggeris. Mereka telah belajar di Sekolah Menengah Teluk Kurau dan menyewa rumah orang perseorangan di Nombor 15 dan juga Nombor 17 Jalan Haji Salam di Beduk, Singapura. Penghantaran ini berterusan sehingga kerajaan mendirikan asrama tetap, iaitu dengan menambah bangunan baru berdekatan dengan asrama pelajar aliran Agama bertempat di Tanglin Hill. Asrama baru ini siap dibina pada tahun 1969, yang mana menyebabkan penuntut-penuntut aliran Melayu dan Inggeris disatukan dengan penuntut-penuntut aliran Agama yang belajar di Madrasah Al-Juned dibawah satu pentadbiran di Tanglin Hill. Asrama ini lebih dikenali dengan nama AKBS (Asrama Kerajaan Brunei di Singapura), yang terdiri dari tiga tingkat yang mempunyai 24 bilik bagi bangunan yang baru, manakala asrama bekas pelajar Agama telah ditempatkan untuk pelajar wanita, yang kemudian menjadi pejabat Perwakilan Brunei (*Brunei Agency*) pada tahun 1970-an (Ziad, 2011; KPN Brunei Darussalam, 2013; dan Latif, 2014).

Setiap bilik bangunan asrama yang baru boleh menempatkan 5 orang pelajar yang lengkap dengan

katil, alamari pakaian, dan satu meja belajar yang panjang. Di samping 24 buah bilik pelajar, terdapat juga bilik penginapan untuk kakitangan kerajaan yang menjalani kursus jangka pendek dan panjang, iaitu sebanyak dua tingkat. Kemudahan-kemudahan lain ialah rumah warden, pekerja asrama, dewan makan, dewan persidangan, bilik belajar dan rehat, serta bilik pejabat pentadbiran (Al-Sufri, 2008; Ziad, 2011; dan Latif, 2014).

Pada umumnya, pelajar aliran Melayu, Inggeris, dan Agama mula dihantar pada tahun 1950, tetapi aliran Melayu terhenti penghantarannya pada tahun 1972, kecuali aliran Inggeris dan Agama berterusan sehingga ke tahun 1980-an. Oleh itu, pada tahun 1972 adalah merupakan tahun terakhir rombongan penghantaran pelajar Melayu ke Singapura, memandangkan ketiadaan sekolah aliran Melayu di Singapura. Pada dewasa itu, aliran Melayu kebanyakannya dihantar ke Sekolah Menengah Tun Seri Lanang, Sekolah Menengah Telok Kurau, Sekolah Menengah Sang Nila Utama, Sekolah Menengah Monk's Hill, Maktab Rendah Kebangsaan atau NJC (*National Junior College*), dan Sekolah Menengah Kaki Bukit (Mail, 2006; Al-Sufri, 2008; Bani, 2008; Ziad, 2011; dan Latif, 2014).

Manakala aliran Inggeris dihantar ke *Siglap Secondary School*, *Willow Secondary School*, *Batley Secondary School*, *Maju Secondary School*, *Victoria Institution*, *Raffles Institution*, dan seterusnya ke *University of Singapore* dan *Nanyang University*, serta lain-lain lagi. Penghantaran ke aliran Inggeris di Singapura telah berakhir pada tahun 1983, iaitu setahun sebelum Brunei mencapai kemerdekaan. Jumlah pelajar aliran Ugama telah bertambah akibat dari penarikan pelajar-pelajar Brunei dari Malaysia, yang mana termasuk pelajar perempuan pada tahun 1973 (Mail, 2006; Bani, 2008; Ziad, 2011; dan Latif, 2014).



Pelajar-pelajar yang terpilih untuk melanjutkan pelajaran ke Singapura adalah merupakan calon pelajar yang terbaik dari seluruh negara, samada dari aliran Melayu atau Inggeris itu 10 yang terbaik bagi seluruh negara. Pada dewasa itu pelajar yang dihantar ke Singapura diberi kemudahan makan, minum, tempat tinggal, dan buku teks percuma oleh pihak kerajaan. Di samping itu, bagi pelajar menengah 1 hingga 4 telah dibayar elaun \$25.00 (dua puluh lima Dollar Brunei) sebulan. Manakala pelajar peringkat menengah atas dibayar elaun \$60.00 sebulan. Elaun ini akhirnya dinaikkan kepada \$30.00 dan \$60.00 sebulan pada tahun berikut. Disamping disediakan perkhidmatan dobi, bas percuma untuk membolehkan pelajar-pelajar menumpukan perhatian pada pelajaran di waktu percutian dan waktu malam. Kelas-kelas tambahan senantiasa diberikan, khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan yang lainnya (Bani, 2008; dan Latif, 2014).

Penuntut-penuntut Brunei di Singapura memang terkenal dan tidak asing lagi di kalangan masyarakat Melayu Singapura, khususnya di kalangan guru dan pelajar-pelajar mahupun penduduk Melayunya. Misalnya, pelajar-pelajar Brunei yang menuntut di Madrasah Al-Juned tidak ketinggalan dalam berkecimpung di bidang budaya, sastera, dan kemasyarakatan. Mereka bukan sahaja mewakili sekolah, bahkan secara individu dalam kegiatan keagamaan dan juga budaya, seperti memberi syarahan, pidato, pendidikan radio, menulis essei dalam surat khabar, bersukan, mengadakan kelas tambahan, dan sebagainya (Yew, 2000; Ziad, 2011; KPN Brunei Darussalam, 2013; dan Syah, 2015).

Pengiran Dato Paduka Haji Badaruddin dan rakan-rakannya adalah merupakan tokoh yang terkenal di kalangan pelajar Brunei di Sekolah

Menengah Sang Nilu Utama, yang namanya begitu harum di kalangan guru dan pelajar Sang Nilu Utama dalam tahun 1960-an. Beliau terkenal dalam bidang sukan, lakonan, dan persuratan Melayu. Kebanyakan pelajar-pelajar Brunei berkecimpung dalam kegiatan Persatuan Pemuda Melayu, yang dikenali 4PM atau Persatuan Persuratan Pemuda-Pemudi Melayu (Ziad, 2011; dan Yahya, 2018).

Begitu juga dalam bidang sukan, pelajar-pelajar Brunei tidak ketinggalan dalam permainan sepak takraw, bola sepak, dan badminton. Dalam sukan sepak takraw, contohnya, pasukan AKBS (Asrama Kerajaan Brunei di Singapura) sering mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan dari Sekolah Menengah Telok Kurau dan Kaki Bukit Secondary School, yang terkenal dengan “sepakan lipat maut” mereka. Kemashyuran AKBS tetap menjadi ingatan manis di kalangan penghuni-penghuni asrama dan juga kakitangan yang pernah menyumbangkan khidmat bakti mereka sebagai pekerja asrama di Tanglin Hill (Ziad, 2011; dan Latif, 2014).

Dalam tahun 1970-an pula, kumpulan pemain hoki pelajar Brunei dari Sekolah Menengah Telok Kurau dan Kaki Bukit Secondary School memang terkenal ketika itu dan pernah menjadi juara di peringkat kebangsaan antara sekolah-sekolah menengah. Dan ada di antara pelajar Brunei yang terpilih sebagai mewakili pemain kebangsaan Singapura dalam sukan hoki dan bola sepak (Ziad, 2011; dan Latif, 2014).

Kenyataan dasar penghantaran anak tempatan ke luar negeri memang berjaya dalam memperkenalkan nama Brunei di luar negara. Dasar ini juga telah mencapai matlamatnya bagi melahirkan bakal kepimpinan dalam beberapa buah bidang, setelah mereka tamat mengikut pengajian di luar negeri. Pembuktian yang paling nyata dapat kita ketengahkan dimana

beberapa pemimpin Brunei masa kini, khususnya dalam bidang pentadbiran kerajaan dan swasta, adalah merupakan lepasan pelajar-pelajar Brunei yang pernah menjejak kaki mereka di Singapura sejak dari tahun 1960-an sehingga ke 1980-an (Siddiqi, 2005; Mail, 2006; Ziad, 2011; dan KPN Brunei Darussalam, 2013).

Inilah hakikat yang patut kita banggakan bahawa dasar kerajaan menghantar pelajar-pelajar ke Singapura bukanlah sesuatu yang sia-sia, tetapi berbaloi apabila dilihat melalui sumbangan pelajar-pelajar tersebut pada bangsa dan negara pada masa kini. Saya yakin dan percaya bahawa dasar penghantaran pelajar-pelajar dan pegawai Brunei ke Singapura, termasuk juga ke Malaysia, Mesir, dan UK (*United Kingdom*) pada tahun 1950-an sehingga 1980-an itu pun telah mencapai matlamatnya untuk persediaan bagi pelaburan tenaga manusia dalam jangka panjang bagi mengisi kekosongan dalam jentera pentadbiran kerajaan dan swasta di Negara Brunei Darussalam (Yew, 2000; Mail, 2006 dan 2013; Al-Sufri, 2008; dan Ziad, 2011).

Hampir 80% dari jumlah pelajar-pelajar yang dihantar ke Singapura telah berjaya mendapat pelajaran yang lengkap dan menjawat jawatan sebagai pegawai kerajaan setelah kembali ke Tanah Air. Pada dewasa ini, walaupun ada di antara mereka telah berpencen dari berkhidmat di jabatan-jabatan kerajaan, tetapi yang masih berkhidmat dengan memegang jawatan yang paling tinggi bertaraf Menteri, Mufti, Peguam Negara, dan Timbalan Menteri (Mail, 2006; Ziad, 2011; dan Ismail & Akir, 2013).

Di samping itu wujud jawatan lain, seperti Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Pentadbir, Juruterbang, Pengurus dan Pengarah Urusan, Syarikat-syarikat Swasta, Pengurus Bank, Pegawai Pelajaran, dan lain-lain

lagi. Dan paling rendahpun, mereka yang dihantar itu telah mendapat kelulusan “O” Level dari Singapura dan kesemuanya mendapat pekerjaan yang baik apabila balik dari seberang laut (Mail, 2006 dan 2016; Al-Sufri, 2008; dan KPN Brunei Darussalam, 2013).

Malahan dalam aliran Agama, mereka yang berkelulusan tamat daripada Universiti Al-Azhar di Mesir juga mendapat kedudukan yang sama seperti rakan perjuangan dari UK (*United Kingdom*) atau Malaysia. Ini semua adalah satu kejayaan yang telah dicapai dalam melahirkan golongan terpelajar Brunei di Singapura, diantara tahun 1965–1983 (Mail, 2007; Bani, 2008; dan Ziad, 2011).

Ternyata, selaras dengan dasar kerajaan yang mementingkan kebajikan rakyat, sebagaimana yang telah dititahkan oleh Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka skim pemberian biasiswa secara percuma kepada pelajar-pelajar Brunei memang terus dilaksanakan sehingga ke dewasa ini bagi mencapai matlamat Wawasan Negara 2035. Ini adalah satu kesinambungan dasar *welfare state* (negeri kebajikan) yang telah dirintis oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien pada tahun 1953, melalui Rancangan Kemajuan Negara Pertama atau RKN 1 (Abdullah, 1991; Juned, 1992; Hussainmiya, 1995; Rosley, 2007; Ghofur, 2015; dan Sari & Herawati, 2018).

Dua aspek utama dalam kehidupan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang diberikan atau disediakan secara percuma bagi meningkat taraf kehidupan rakyat dengan memedulikan kebajikan rakyat, iaitu bidang pendidikan dan kesihatan. Dasar ini mula dirancang secara menyeluruh apabila Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien mahu mengujudkan Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei, yang diumumkan pada tahun 1953 (Abdullah, 1991;

Hussainmiya, 1995; Siddiqi, 2005; Rosley, 2007; dan Ghofur, 2015).

Maka bermula dari tahun 1953, dasar kerajaan Brunei adalah memberi perkhidmatan percuma dalam bidang pendidikan kepada semua rakyat, yang bernaung dibawah panji pemerintahan, khususnya bagi penduduk yang diiktiraf sebagai rakyat Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang memegang kad pengenalan berwarna kuning (Juned, 1992; Siddiqi, 2005; Ziad, 2011; Mail, 2013; dan Sari & Herawati, 2018).

#### KESIMPULAN <sup>4</sup>

Dasar penghantaran pelajar Brunei ke luar Negara pada tahun 1950-an sehingga 1980-an adalah sebagai persediaan untuk menanai tanggungjawab mengambil-alih kedaulatan negara dari naungan kerajaan British yang bermula sejak tahun 1888, sehingga Brunei mencapai kemerdekaan pada tahun 1984.

Dasar kerajaan Brunei menghantar pelajar-pelajar ke luar negara, khususnya ke Singapura, bukanlah sesuatu yang sia-sia, tetapi berbaloi apabila dilihat melalui sumbangan pelajar-pelajar tersebut pada bangsa dan negara pada masa kini. Saya yakin dan percaya bahawa dasar penghantaran pelajar-pelajar dan pegawai Brunei ke Singapura, termasuk juga ke Malaysia, Mesir, dan UK (*United Kingdom*), pada tahun 1950-an sehingga 1980-an itu, telah pun mencapai matlamatnya untuk persediaan bagi pelaburan

<sup>4</sup>**Nota Campur:** Artikel ini, sebelum dikemas-kini dan dibaiki dalam bentuknya sekarang, berasaskan kepada kertas kerja yang pernah dihantar untuk agenda *Edutourism with an International Conference* di Bandung, Jawa Barat, Indonesia, pada bulan Julai 2018. Saya merakamkan berbilang terima kasih kepada tuan Andi Suwarta, M.Hum., Pensyarah Kanan di Jabatan Pendidikan Sejarah FPIPS UPI (Fakulti Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial, Universiti Pendidikan Indonesia) di Bandung, yang sudah mengemas-kini artikel berkenaan, khususnya dalam Senarai Rujukan yang pelbagai. Walau bagaimanapun, semua kandungan dan pentafsiran dalam artikel ini adalah di atas tanggung jawab akademik saya persendirian selaku penulis.

tenaga manusia dalam jangka panjang bagi mengisi kekosongan dalam jentera pentadbiran kerajaan dan swasta di Negara Brunei Darussalam.<sup>5</sup>

## Referensi

- Abdullah, Muhammad Hadi. (1991). "Sultan Omar Ali Saifuddin: Raja yang Berjiwa Rakyat" dalam *BERIGA*, Bil.30 [Januari-Mac], diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam.
- Abdullah, Muhammad Hadi. (2001). "The Formation of Malaysia: The Political Development of Brunei, 1961-1967". *Unpublished Ph.D. Thesis*. UK [United Kingdom]: University of Hull.
- Ahmad, Haji Zaini bin Haji. (1989). *Pertumbuhan Nasionalisme di Brunei, 1939-1962*. Kuala Lumpur: ZR Publications.
- Al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd Jamil. (2008). *Satu Pemikiran Mengenai Corak Pendidikan untuk Brunei Darussalam Berasaskan Islam: Melalui Pengalaman dan Sejarah*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Andaya, B.W. & L.Y. Andaya. (2001). *A History of Malaysia*. Basingstoke: Palgrave, 2<sup>nd</sup> edition.
- Bakar, Haji Tassim bin Haji Abu. (2013). "Pendidikan dari Balai di Kampong Ayer ke Sekolah Moden di Darat, 1906 – 1941: Kajian Sejarah Pendidikan di Negara Brunei Darussalam" dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 1(2), September, ms.113-124.
- Bani, Suddin. (2008). "Perkembangan Pendidikan Islam di Brunei Darussalam" dalam *Lentera Pendidikan*, Vol.11, No.2 [Disember], ms.270-283. Wujud secara online juga di: [http://journal.uin-alauddin.ac.id/index.php/lentera\\_pendidikan/article/viewFile/3785/3459](http://journal.uin-alauddin.ac.id/index.php/lentera_pendidikan/article/viewFile/3785/3459) [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 21hb April 2018].
- Bleicher, Josef. (1980). *Contemporary Hermeneutic as Method, Philosophy, and Critique*. London: Routledge.
- Darwin, John. (1988). *Britain and Decolonization: The Retreat from Empire in the Post War-World*. Basingstoke: Macmillan.

<sup>5</sup>**Kenyataan:** Saya, dengan ini, membuat kenyataan sebenar bahawa artikel ini adalah idea dan dapatan kajian saya persendirian; ianya bukan hasil daripada tindakan plagiat, memandangkan semua sumber yang saya petik wujud dalam Senarai Rujukan atau Referensi. Saya juga membuat kenyataan bahawa artikel ini belum dihantar, diwasit, dan diterbit oleh mana-mana jurnal akademik, samada di Brunei Darussalam mahupun di luar negara.

- Denzin, N.K. & Y.S. Lincoln [eds]. (2000). *Handbook of Qualitative Research*. London: Sage, second edition.
- Ghofur, Abd. (2015). "Islam dan Politik di Brunei Darussalam: Suatu Tinjauan Sosio-Historis" dalam *TOLERANSI: Media Komunikasi Umat Beragama*, Vol.7, No.1 [Januari-Juni].
- Hack, Karl. (2001). *Defence and Decolonization in Southeast Asia: Britain, Malaya, and Singapore*. Richmond, Surrey: Curzon.
- Hamid, Haji Hashim bin Haji Abdul. (2003). *Islam di Brunei Darussalam: Satu Analisis Sosial-Budaya*. Bandar Seri Begawan: Penerbit UBD [Universiti Brunei Darussalam].
- Hamzah, B.A. (1991). *The Oil Sultanate: Political History of Oil in Brunei Darussalam*. Kuala Lumpur: Mawaddah Enterprise Sdn Bhd.
- Horton, A.V.M. (1984). "The British Residency in Brunei, 1906-1959" in *Occasional Paper*, No.6, published by Centre of Southeast Asian Studies, University of Hull.
- Hussainmiya, B.A. (1995). *Sultan Omar Ali Saifuddin and Britain: The Making of Brunei Darussalam*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ilhamsyah. (2015). "Beberapa Metode Penelitian Kualitatif: Biografi, Studi Kasus, Fenomenologi, Etnografi, dan Grounded Theory". Wujud secara online di: [https://www.academia.edu/12253997/Metode\\_Penelitian\\_Kualitatif\\_Biografi\\_Studi\\_Kasus\\_Fenomenologi\\_Etnografi\\_dan\\_Grounded\\_Theory](https://www.academia.edu/12253997/Metode_Penelitian_Kualitatif_Biografi_Studi_Kasus_Fenomenologi_Etnografi_dan_Grounded_Theory) [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 21hb April 2018].
- Ismail, Hajah Rosidah Haji & Zawiyatun Ni'mah Mohd Akir. (2013). "Brunei – Singapura Eratkan Persahabatan" dalam akhbar *Pelita Brunei*. Bandar Seri Begawan: 29 Mei. Wujud secara online juga di: [http://www.pelitabrunei.gov.bn/Arkib%20Dokumen/2013/Mei/pelitabrunei\\_290513.pdf](http://www.pelitabrunei.gov.bn/Arkib%20Dokumen/2013/Mei/pelitabrunei_290513.pdf) [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 2hb Mei 2018].
- Jasmi, K.A. (2012). "Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif" dalam *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1*, anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim. Wujud secara online pula di: [http://eprints.utm.my/id/eprint/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012\\_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf) [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 21hb April 2018].
- Jibah, Matassim Haji. (1983). "Perkembangan Persekolahan Melayu di Brunei dalam Pentadbiran Sistem Residen, 1906-1959" dalam *The Brunei Museum Journal*, Vol.5, No.3.
- Jumat, Ahmad Haji. (1989). "A Chronological Study of the Development of Education in Brunei Darussalam from 1906-1984 with Special Reference to Education Policies and Their Implementations". *Unpublished Ph.D. Thesis*. California: The School of Education, California Coast University.
- Juned, Awang Abdul Aziz bin Awang. (1992). *Islam di Brunei: Zaman Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei Darussalam.
- Kadir, Nor Adina Binti Abdul. (2010). "Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar Perak: Sejarah dan Sumbangannya terhadap Pendidikan Islam dari Tahun 1985-1999". *Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam UM [Universiti Malaya]. Wujud secara online juga di: <https://core.ac.uk/download/pdf/45428859.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 2hb Mei 2018].
- Karim, Hezlinawati Haji Abdul. (2017). "Transformasi ke Arah Perkhidmatan Awam yang Progresif" dalam akhbar *Pelita Brunei*. Bandar Seri Begawan: 20 November. Wujud secara online juga di: <http://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Rencana/NewDisplayForm.aspx?ID=648> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 2hb Mei 2018].
- KPN [Kementerian Pendidikan Negara] Brunei Darussalam. (2013). *SPN21: Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam, cetakan pertama, edisi kedua. Wujud secara online juga di: [http://www.moe.gov.bn/spn21dl/SPN21%20MALAY%20\(2013\)%20COMPLETE.pdf](http://www.moe.gov.bn/spn21dl/SPN21%20MALAY%20(2013)%20COMPLETE.pdf) [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 21hb April 2018].
- Kroef, J.M. Van Der. (1963). "Indonesia, Malaysia, and the North Borneo Crisis" in *Asian Survey*, Vol.III, No.4 [April], pp.173-181.
- Kumpoh, Asiyah az-Zahra binti Ahmad. (2006). "Pembentukan Dasar British terhadap Brunei selepas Perang Dunia Kedua: Pengaruh dari Perang Dingin atau Faktor Minyak?". *Kertas Kerja* dibentang dan dibincang dalam Seminar Sejarah Brunei III Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-22. Wujud secara online pula di: [http://www.bruneiresources.com/pdf/nd06\\_kumpoh.pdf](http://www.bruneiresources.com/pdf/nd06_kumpoh.pdf) [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 21hb April 2018].
- Latif, Haniza Abdul. (2014). "Pengalaman Belajar di Luar Negeri" dalam akhbar *Pelita Brunei*. Bandar Seri Begawan: 31 Disember. Wujud secara online

- pula di: <http://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Rencana/NewDisplayForm.aspx?ID=473&ContentTypeld> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 21hb April 2018].
- Leake, D. (1990). *Brunei: The Modern Southeast Asian Islamic Sultanate*. Kuala Lumpur: Forum.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2006). *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei, 1950-1985*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2007). "Pendidikan Agama Islam di Brunei Darussalam Pra-Merdeka: Pengalaman, Transformasi, dan Cabaran" dalam *BERIGA*, Bil.96 Juli-September], ms.3-24. Wujud secara online di: [https://www.researchgate.net/publication/313313610 Pendidikan Agama Islam Brunei Darussalam Pramerdeka Pengalaman Tranformasi dan Cabaran](https://www.researchgate.net/publication/313313610_Pendidikan_Agama_Islam_Brunei_Darussalam_Pramerdeka_Pengalaman_Tranformasi_dan_Cabaran) [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 2hb Mei 2018].
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2011). "Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1950-1984: Pengaruh dan Hubungannya dengan Malaysia" dalam Mat Zin Mat Kib *et al.* [eds]. *Pembentukan Malaysia: Isu dan Perdebatan*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UiTM [Universiti Teknologi MARA].
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2013). "Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1950-2010: Kemunculan dan Hubungannya dengan Falsafah MIB (Melayu Islam Beraja)" dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 1(2), September, ms.151-166.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2016). "Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam Pasca-Merdeka, 1984-2012: Dari Dwi Bahasa ke Pendidikan Abad 21" dalam Haji Awang Asbol bin Haji Mail, Haji Mohd Yusop bin Haji Awg Damit & Haji Rosli bin Haji Ampal [eds]. *Brunei Merdeka: Kumpulan Artikel Sempena Memperingati 30 Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Penerbit YSHHB [Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah] dan PESEBAR [Persatuan Sejarah Brunei].
- Melayong, Muhammad Hadi Muhammad. (1993). *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Melayong, Muhammad Hadi Muhammad. (2006). "Hubungan Brunei - Great Britain". *Kertas Kerja* dibentang dan dibincang dalam Seminar Sejarah Brunei III, anjuran Pusat Sejarah Brunei, di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 8hb-9hb March.
- Mohamed, Muhaimin Haji. (2011). *Pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin, 1924-1950: Kerajaan, Masyarakat, dan Perubahan*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan.
- Notosusanto, Nugroho. (1978). *Masalah Penelitian Sejarah Kontemporer*. Jakarta: Yayasan Idayu.
- Pelita Brunei* [akhbar]. Brunei Darussalam: 19 Julai 1978.
- Razali. (2016). "Pentadbiran Residen Inggeris di Brunei, 1906-1959: Dasar Pendidikan dan Kesannya terhadap Perkembangan Pendidikan di Brunei sehingga 1953". Wujud secara online di: [http://www.bruneiresources.com/pdf/nd06\\_razali.pdf](http://www.bruneiresources.com/pdf/nd06_razali.pdf) [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 2hb Mei 2018].
- Rosley, Dayangku Herney Zuraidah binti Pengiran Haji. (2007). "Pemerintahan Sultan 'Omar Ali Saifuddien III, 1950-1967" dalam *PUSAHA*, Bilangan 14. Wujud secara online juga di: <http://www.pusat-sejarah.gov.bn/Themed/soasPDF.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 2hb Mei 2018].
- Sari, Surti Nurpita & Herawati. (2018). "Pemerintahan Sultan Hassanah Bolkiah dan Perbankan Islam di Brunei Darussalam, 1984-2015" dalam *Thaqāfiyyāt*, Vol.19, No.1 [Juni]. Wujud secara online juga di: <http://ejournal.uin-suka.ac.id/adab/thaqafiyat/article/view/1388/827> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 17hb Ogos 2018].
- Saunders, G.E. (2002). *A History of Brunei*. London: Routledge Curzon, 2<sup>nd</sup> edition.
- Siddiqi, Sharon. (2005). "Brunei Darussalam: Sebuah Bangsa Religius yang Potensial" dalam Muflich Hasbullah [ed]. *Asia Tenggara: Konsentrasi Baru Kebangkitan Islam*. Bandung: Fokus Media, cetakan kedua.
- Singh, Ranjit D.S. (1984). *Brunei, 1839-1983: The Problems of Political Survival*. Singapore: Oxford University Press.
- Sjamsuddin, Helius. (2007). *Metodologi Sejarah*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Sum, Hisham Haji Md. (1993). "Educational Dependency: A Case Study on Brunei Darussalam". *Unpublished Ph.D. Thesis*. UK [United Kingdom]: University of Reading.
- Syah, Muslihuddin. (2015). "Pendidikan Islam: Paksi Halatuju Negara". Wujud secara online di: [https://www.academia.edu/15181294/PENDIDIKAN ISLAM PAKSI HALA TUJU NEGARA](https://www.academia.edu/15181294/PENDIDIKAN_ISLAM_PAKSI_HALA_TUJU_NEGARA) [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 2hb Mei 2018].
- Tarling, N. (1993). *The Fall of Imperial Britain in Southeast Asia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Temubual dengan Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, di Pusat Sejarah

- Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 3hb March 2006.
- Yahya, Masuriyati & Che Zarrina Sa'ari. (2015). "Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 Brunei Darussalam dalam Melestari Ketamadunan Islam Negara Zikir: Cabaran dan Harapan" dalam *Afkar*, Volume 16 [Januari-Jun], ms.61-92.
- Yahya, Salawati Haji. (2018). "Perkasa Pendidikan Islam" dalam akhbar *Media Permata*. Bandar Seri Begawan: 25 Januari. Wujud secara online pula di: [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 2hb Mei 2018].
- Yew, Lee Kuan. (2000). *From Third World to First, the Singapore Story, 1965-2000: Singapore and the Asian Economic Boom*. New York: Harper Collins Publishers.
- Zain, Mohd Zuber. (2015). "Nasionalisme Melayu, Peranan SITC selaku Lubuk Nasionalisme Melayu dan Sumbangan Guru SITC dalam Perjuangan Nasionalisme Politik, Bahasa, dan Budaya". Wujud secara online di: <http://fliphtml5.com/flqg/llfx/basic> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 2hb Mei 2018].
- Zed, Mestika. (2004). *Metode Penelitian Kepustakaan*. Jakarta: Penerbit YOI [Yayasan Obor Indonesia].
- Ziad, Ibnu. (2011). "Perkembangan Pendidikan di Brunei, 1954-1984". Wujud secara online di: <https://ibnuziad.wordpress.com/2011/01/03/perkembangan-pendidikan-di-brunei-1954-1984/> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 2hb Mei 2018].